

## KARANGAN JENIS PERBAHASAN

### SOALAN

Tuliskan karangan jenis perbahasan yang bertajuk “Faedah-faedah Mempelajari Komputer”.

### CONTOH FORMAT DAN RANGKA KARANGAN

Yang Mulia Tuan Pengurus Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar, panel hakim yang arif lagi bijaksana, barisan pembangkang yang dihormati dan guru-guru serta rakan-rakan yang dikesih. Pada pagi yang mulia ini, saya ingin menyampaikan satu perbahasan yang bertajuk “Belajar Komputer Memang Memanfaatkan Kita”. Sebagai pihak pencadang, saya tetap menyokong tajuk ini.

Hadirin sekalian,

Tajuk perbahasan saya hari ini ialah belajar komputer banyak mendatangkan kebaikan. Hal ini kerana dengan belajar komputer, kita dapat mempelajari pelbagai kemahiran. Antaranya adalah kemahiran menaip, melukis, mengarang dan sebagainya. Hasil kerja dengan menggunakan komputer juga tentulah lebih kemas, bersih dan cantik.

Di samping itu juga, kita dapat menimba pelbagai ilmu pengetahuan dengan menggunakan komputer. Kemudahan internet di komputer memudahkan kita memperoleh maklumat dan pengetahuan berkenaan dengan pelajaran, pelancongan, kesihatan dan sebagainya. Oleh itu, ilmu pengetahuan kita akan bertambah luas.

Hadirin yang dihormati,

Penggunaan komputer menyebabkan dunia bagi di hujung jari. Hal ini kerana, apabila peristiwa dan berita yang terjadi di luar negara atau di dalam negara dapat diketahui dengan pantas melalui internet. Justeru, kita tidak lagi seperti katak di bawah tempurung.

Selain itu, kita dapat mengisi masa lapang dengan cara berfaedah agar tidak terjebak dalam aktiviti yang negatif. Mempelajari komputer banyak menyumbang bakti kepada kita khususnya murid-murid dalam pelajaran.

Akhir sekali, benarlah bahawa belajar komputer banyak mendatangkan kebaikan daripada keburukan. Sebelum mengundurkan diri, saya mengucapkan sekian terima kasih. Sekali lagi saya menegaskan bahawa belajar komputer memang memanfaatkan kita. Di sini, izinkan saya menohon maaf sekiranya terdapat seberang ketelanjuran kata dalam perbahasan tersebut.

Sekian, terima kasih.